

Lembaran Pendedahan Produk

(Sila baca Lembaran Pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli insurans Peralatan Elektronik. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am)

INSURANS PERALATAN ELEKTRONIK

1. Apakah produk ini?	
Polisi ini melindungi komputer dan peralatan elektronik anda samada sedang digunakan atau tidak atau dibuka untuk tujuan pembersihan, baik pulih atau semasa pemindahan di premis anda.	
2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?	
Polisi ini melindungi:- (a) Seksyen 1 – Kerosakan Kebendaan kejutan dan kemungkinan kerugian fizikal atau kerosakan berkaitan semua risiko (kecuali yang telah dinyatakan dalam pengecualian polisi) kepada perkakas komputer termasuk peralatan dan aksesori sampingan. (b) Seksyen 2 – Data Media Luaran apa-apa kerosakan kebendaan yang dilindungi oleh polisi ini kepada Data Media luaran seperti cakera, pita termasuk maklumat yang terkandung di dalamnya. (c) Seksyen 3 – Kenaikan Kos Kerja Perbelanjaan tambahan yang dikeluarkan untuk mengguna peralatan pemprosesan data elektronik yang lain berikutan kehilangan atau kerosakkan kepada peralatan yang diinsuranskan dibawah Seksyen 1 polisi ini.	
3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?	
Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung kepada risiko pendedahan, dan keperluan pengunderaitan Syarikat Insurans.	
4. Apakah kadar dan caj yang saya perlu bayar?	
Sebagai tambahan kepada premium, anda perlu membayar:	
a. Cukai Barang Dan Perkhidmatan	Jumlah
b. Duti Setem	6% daripada premium
	RM10
Premium yang anda perlu bayar termasuk komisen yang dibayar kepada pengantara insurans, jika ada, berjumlah 15% daripada premium.	
5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?	
<ul style="list-style-type: none">Kewajipan pendedahan : anda mesti mendedahkan semua fakta-fakta yang mana anda ketahui atau harus ketahui yang akan mempengaruhi pertimbangan pengunderaitan pada borang anda, jika tidak, polisi anda akan dianggap tidak sah dan dimansuhkan. <p>Anda harus memastikan borang lengkap sepenuhnya kerana ia mewakili kontrak asas insurans anda.</p> <ul style="list-style-type: none">Anda harus memastikan harta anda diinsuranskan pada amaun yang berpatutan yang dinyatakan di bawah ini:- <p>Seksyen 1 – Jumlah diinsuranskan ialah kos untuk mengganti benda yang diinsuranskan dengan benda yang baru yang sama jenis dan keupayaan, bermakna kos penggantian termasuk tambang, duti dan bayaran kastam (jika ada) dan kos pembinaan.</p> <p>Sekiranya jumlah diinsuranskan dalam polisi anda adalah kurang daripada nilai sebenar pada waktu kerugian, anda harus menanggung sendiri</p>	

Lembaran Pendedahan Produk

(Sila baca Lembaran Pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli insurans Peralatan Elektronik. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am)

terhadap perbezanya. Syarat purata ini akan dikenakan sekiranya berlaku tuntutan.

Seksyen 2 – Jumlah diinsuranskan ialah nilai benda yang baru yang dikenakan untuk mengganti data media luaran yang musnah atau rosak dan pembelanjaan yang berkaitan dengan penghasilan semula maklumat tersebut.

Seksyen 3 – Jumlah diinsuranskan ialah pembelanjaan tambahan yang dikenakan oleh anda untuk mengguna peralatan pemprosesan data elektronik yang sama keupayaan dengan peralatan yang diinsuranskan selama 12 bulan.

- **Waranti premium** – Premium mesti di bayar dan di terima oleh kami dalam masa 60 hari dari hari perlindungan bermula, jika tidak perlindungan ini adalah dibatalkan secara automatik dan anda masih bertanggungjawab bagi membayar bahagian premium pada tempoh hari-hari yang kami masih menanggung risiko

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi:

- perlakuan sengaja atau kecuaiian sengaja
- kehausan dan keusangan
- kerugian turutan dalam apa jua bentuk
- kerugian atau kerosakan yang mana pengilang atau pembekal benda yang diinsuranskan akan dipertanggungjawabkan mengikut undang-undang atau di bawah kontrak
- Perang, perang saudara dan mana – mana tindakan keganasan
- Risiko radioaktif dan tenaga nuklear

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada contoh kontrak polisi untuk senarai penuh berkenaan pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi ini bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Di atas pembatalan, sebarang pemulangan premium akan tertakluk kepada syarat-syarat yang termaktub dalam kontrak polisi.

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran perihal saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pada kami tentang sebarang perubahan butiran perihal anda bagi memastikan segala surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

9. Apakah yang harus saya lakukan jika berlaku kemalangan?

Anda mesti memberitahu kami secara bertulis dengan menyertakan butir-butir penuh secepat mungkin. Pemberitahuan awal adalah perlu bagi mengelakkan sebarang prejudis atas tuntutan anda.

10. Apakah yang harus saya lakukan apabila membuat tuntutan?

Anda mesti menyerahkan tuntutan anda dengan melampirkan kesemua keterangan sokongan dan dokumen pada kami dan memberi kerjasama kepada Penyelaras/Penyiasat yang di lantik oleh kami bagi menilai tuntutan anda.

11. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?

Lembaran Pendedahan Produk

(Sila baca Lembaran Pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli insurans Peralatan Elektronik. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am)

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Insurans ini atau mana-mana jenis produk insurans, anda boleh menghubungi kami atau pengantaraan insurans anda atau layari laman web kami di www.mpigenerali.com

MPI Generali Insurans Berhad
8th Floor, Menara Multi-Purpose
Capital Square,
8, Jalan Munshi Abdullah
50100 Kuala Lumpur
Tel: 603-2034 9888
Fax: 603-2694 5759

12. Lain-lain jenis perlindungan insurans serupa yang disediakan ?

- Insurans Mesin dan Jentera

NOTA PENTING:

ANDA DI NASIHATKAN PERLINDUNGAN, PENGECUALIAN DAN PEMBATASAN FAEDAH-FAEDAH YANG DI TEGASKAN INI ADALAH TIDAK LENGKAP. KETERANGAN PENUH ADALAH YANG TERDAPAT PADA INSURANS KONTRAK.

ANDA HARUS MEMUASKAN DIRI IAITU POLISI INI AKAN MEMENUHI KEHENDAK ANDA YANG TERBAIK. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN INSURANS ATAU MENGHUBUNGI TERUS KAMI UNTUK KETERANGAN LANJUT.